

Nenggiri medan buktikan BN masih kuat atau PN kian ampuh

- Pembangunan dan ekonomi tempatan akan jadi faktor utama jika BN dapat yakinkan pengundi mereka pilihan terbaik membawa pembangunan hingga boleh dapat merampas kerusi Nenggiri

- Bagi PN, kejayaan bergantung kepada kemampuan memanfaatkan sentimen agama dan menawarkan alternatif meyakinkan kepada pengundi yang semakin muak dengan status quo PAS di Kelantan



Felo Penyelidik Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir (IPDM), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Mujibu Abd Muis
bhrencana@bh.com.my

Sabtu ini, 20,259 pengundi berdaftar bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri menunaikan tanggungjawab sekali lagi bagi memilih wakil rakyat baharu pada Pilihan Raya Kecil (PRK) selepas setahun Pilihan Raya Negeri (PRN) Kelantan selesai.

Mengulangi babak PRN 2023, sekali lagi mempertemukan Barisan Nasional (BN) dan Perikatan Nasional (PN) dalam pertembungan dua penjuru sengit dan seimbang.

Setakat ini tradisi penyandang kekal kerusi menjadi trend keputusan setiap PRK, tetapi Nenggiri dilihat berpotensi berlaku sebaliknya.

Cuma, kerisauan faktor 'terpaksa mengundi' akibat pengisytiharan kekosongan oleh Speaker mungkin akan membunuh keinginan pengundi keluar mengundi.

Ketika PRN lalu, peratusan keluar mengundi hanya 61.1 peratus berbanding Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) merekodkan 78.2 peratus.

Tambahan pula faktor keletihan politik, keputusan status quo PRK kepada kerajaan negeri dan Persekutuan serta jarak PRN-PRK berjeda setahun dilihat menghambat pengundi untuk tidak keluar mengundi.

Dalam konteks PRK Nenggiri mempunyai jumlah pengundi kecil, kemenangan lazimnya ditentukan berdasar keupayaan parti atau calon membawa penyokong ke peti undi, bukan sokongan.

Ironinya, PRK Nenggiri tetap menarik perhatian ramai, terutama kerana kawasan ini sering menjadi medan pertempuran BN dengan PN. Dengan latar belakang sejarah pilihan raya dan isu semasa membara, ia bakal menjadi penentu bagi kedua-dua parti meraih sokongan rakyat.

Di atas kertas, PN berupaya mengekalkan kerusi berdasarkan isu dan sentimen semasa menyebelahi mereka. Dengan kemenangan selesa luar jangka PRK Sungai Bakap, momentum itu mungkin boleh diteruskan dalam PRK Nenggiri, malah ke PRK DUN Mahkota.

Namun, fakta Nenggiri adalah kubu kuat BN sejak mula dipertandingkan pada 2004 tidak boleh dikesampingkan. Untuk rekod, ketika BN tumbang pada PRU14, Nenggiri masih betah bersama BN. Malah, PN hanya menang majoriti tipis 810 undi ketika merampas kerusi ini pada PRN tahun lalu.

Melihat rekod dua pilihan raya lalu, Nenggiri menyaksikan persaingan sengit BN-PN menerusi kemenangan tipis. Kejayaan BN pada PRU14 dan PN pada PRN 2023 memperlihatkan perbezaan majoriti semakin mengecil, membuktikan kedua-dua parti

mempunyai pengaruh dan kekuatan mampu memberikan cabaran.

Namun, kedudukan BN tidak lagi sekuat dahulu, dengan peningkatan pengaruh PN semakin ketara, PRK kali ini menjadi medan penentu, adakah BN masih kuat untuk merampas kerusi ini atau adakah PN semakin ampuh mengekalkan kekuasaan? Yang jelas Nenggiri bukan kerusi selamat kepada mana-mana parti.

Terdapat beberapa isu utama menunjangi PRK ini. Pertama, isu tradisi pembangunan dan ekonomi tempatan menjadi tumpuan utama pengundi. Nenggiri sebagai kawasan luar bandar masih bergelut dengan isu kemiskinan dan kurang peluang pekerjaan.

Pembangunan infrastruktur tidak seimbang turut menjadi isu hangat, dengan penduduk mengharapkan lebih banyak perhatian daripada kerajaan negeri dan Persekutuan.

Hal ini masih menjadi kelebihan buat BN. Kekuatan politik pembangunan boleh mempengaruhi pengundi atas faktor keperluan infrastruktur, pekerjaan dan kebajikan sangat dekat dengan pengundi luar bandar, apatah lagi orang Melayu dan Orang Asli.

Dengan BN menguasai kementerian bertanggungjawab kepada pembangunan luar bandar, kelebihan itu dilihat memikat perhatian dengan kelemahan pentadbiran kerajaan negeri dalam menawarkan penyelesaian.

Penguasaan empat dekad PAS

Namun, sentimen Melayu-Islam jelas masih terlalu sukar diterbalikkan. Penguasaan empat dekad PAS ke atas Kelantan memperlihatkan politik pembangunan semakin jauh daripada memikat minat mereka.

Cuma berdasarkan rekod lampau Nenggiri, ia tetap menjadi pertimbangan utama pengundi walaupun ketika ini PN adalah penyandang kerusi itu.

Isu nasional seperti prestasi ekonomi, kos sara hidup, peluang pekerjaan dan rasionalisasi subsidi juga memberi impak kepada PRK Nenggiri. Isu nasional dekat dan rapat dengan orang Melayu-Islam dilihat menenggelamkan pencapaian ekonomi dibawa kerajaan seperti kontroversi BlackRock menghilangkan cerita prestasi ringgit paling kukuh dalam tempoh 14 tahun disumbangkan kestabilan politik dan dasar fiskal negara baik.

Melihat peluang parti bertanding secara perbandingan, BN mempunyai kelebihan sebagai parti sudah lama bertapak di Nenggiri. Dengan jentera parti tersusun dan hubungan organik serta peribadi dengan pengundi, BN masih mempunyai pengaruh kuat terutama pengundi golongan tua menghargai kestabilan.

Namun, kelemahan BN terletak pada imej parti dilihat kurang responsif terhadap perubahan zaman

dan dikaitkan isu rasuah pada peringkat nasional sebelum ini mempengaruhi persepsi pengundi.

Tambahan pula, hubungan bersama Kerajaan Perpaduan terutama DAP masih gagal diurus dengan berkesan, lantas menjauhi pengundi untuk kembali kepada BN.

PN pula mempunyai kekuatan dalam keupayaan menarik sokongan generasi muda dan Islamis melalui PAS. PN lebih agresif dalam isu berkaitan kaum dan agama dengan menjadikan hubungan

UMNO-DAP sebagai titik serangan.

Namun, kelemahan PN mungkin terletak pada prestasi pentadbir pada peringkat negeri dan pendekatan kadangkala dilihat terlalu konservatif oleh sesetengah golongan pengundi.

Bagi BN, kejayaan mereka mungkin bergantung kepada kemampuan mengekalkan sokongan tradisional

terutama Orang Asli sambil menarik pengundi muda mungkin lebih cenderung kepada perubahan.

Pembangunan dan ekonomi tempatan menjadi faktor utama jika BN dapat meyakinkan pengundi bahawa mereka pilihan terbaik membawa pembangunan hingga mungkin dapat merampas kerusi ini.

Bagi PN, kejayaan bergantung kepada kemampuan memanfaatkan sentimen agama dan menawarkan alternatif meyakinkan kepada pengundi semakin muak dengan status quo PAS di Kelantan.

Jika dapat menonjolkan imej pentadbir cekap dan berwibawa, PN mempunyai peluang mengekalkan kerusi Nenggiri dengan majoriti lebih besar.

Bagaimanapun, faktor nasional seperti kestabilan politik dan kepemimpinan pada peringkat Persekutuan memainkan peranan penting. Jika BN pada peringkat itu dilihat semakin lemah atau tidak stabil, ia mungkin menjejaskan peluang di Nenggiri.

Sebaliknya, jika PN berjaya menunjukkan kepemimpinan kuat dan meyakinkan menerusi prestasi negeri dikuasai, ia akan memberi lonjakan kepada calon mereka di Nenggiri.

Apapun, PRK DUN Nenggiri adalah medan pertempuran mencabar bagi BN dan PN. Sejarah panjang di kawasan ini menunjukkan betapa sengitnya persaingan dan dengan isu semasa meruncing, PRK kali ini lebih sukar diramalkan.

Kedua-dua parti mempunyai kekuatan dan kelemahan, manakala faktor menyumbang kemenangan atau kekalahan bergantung kepada bagaimana mereka dapat menangani isu tempatan dan persepsi pengundi terhadap kepemimpinan nasional.

Keputusan di Nenggiri mungkin menjadi petunjuk penting bagi landskap politik di Kelantan, bahkan Malaysia secara keseluruhannya.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

